



SELAMAT HARI JADI TUN... Tun Dr. Mahathir Mohamad yang akan menjangkau usia 80 tahun pada 10 Julai ini tetap cergas dan sihat.

Ini dapat dilihat apabila bekas Perdana Menteri bersama isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Ali diraikan pada majlis hari jadi yang dianjurkan oleh anak-anak mereka di Hotel J.W. Marriot di Kuala Lumpur malam tadi.

Turut meraikan beliau ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri

um- 7/7/2005

Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan beberapa anggota Kabinet yang lain.

Sambutan hari jadi itu diadakan lebih awal kerana Dr. Mahathir akan bercuti ke luar negara.

● DR. MAHATHIR Mohamad dan Dr. Siti Hasmah Ali diraikan oleh Abdullah Ahmad Badawi dan Najib Tun Razak pada majlis hari jadi beliau di Kuala Lumpur malam tadi. – Gambar SAIFUL NIZAM BAHARI